

## Literasi abad 21 Bahagian 2/6



**Dr. Ali Qassem**

[www.aliqassem.com](http://www.aliqassem.com)

Literasi hari ini mempunyai pelbagai definisi tetapi pada umumnya ia merangkumi ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang yang berlainan.

Literasi abad 21 termasuklah literasi asas, literasi saintifik, literasi ekonomi, literasi teknologi, literasi maklumat, literasi visual, literasi pelbagai budaya dan kesedaran global dan banyak lagi.

Walaupun agak susah hendak menentukan jenis literasi yang mempunyai impak ke atas kejayaan seseorang, tetapi tidak dapat dipertikaikan bahawa dengan meningkatkan literasi dapat membawa kejayaan dalam era yang penuh dengan cabaran ini. Seterusnya boleh menyumbangkan kepada kemakmuran masyarakat.

Oleh itu, selain dari kesanggupan melaburkan masa, wang serta tenaga anda dalam meningkatkan potensi diri, anda perlu tahu bagaimana dan apa yang harus dilakukan dengan potensi yang ada.

Literasi bagaikan sebuah tangga yang panjang. Ia bergantung kepada seseorang bagaimana hendak memanjatnya dan di mana dia hendak berhenti. Literasi adalah kunci kepada kesihatan, kekayaan, kemakmuran dan banyak lagi. Keperluan pertama untuk memanjat tangga tersebut adalah Literasi Asas.

Menurut teori ahli sosiologi dan pendidikan, "Literasi Asas adalah kemahiran berbahasa dan numerik (angka). Ia adalah keupayaan untuk membaca, menulis, mendengar dan menutur. Kini definisi Literasi Asas telah berubah mengikut kesesuaian peredaran zaman."

Kini, Literasi Asas memerlukan kemahiran bahasa dalam Bahasa Inggeris. (membaca, menulis, mendengar dan menutur) Mungkin ada orang akan bertanya, "Mengapa Bahasa Inggeris?" Ini adalah kerana bahasa ini digunakan dengan meluas di seluruh dunia, dalam komunikasi, dokumen dan pertuturan seharian.

Belajar dan menutur dalam Inggeris adalah keperluan pertama dalam literasi kini. Bahasa Inggeris adalah satu-satunya bahasa global. Ia telah disebarkan di seluruh dunia, dan adalah susah untuk menamakan negara yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris.

Bahasa Inggeris digunakan untuk menghubungkan antara negara dalam kebudayaan, ekonomi, sosial dan politik.

Bahasa Inggeris adalah bahasa yang digunakan dalam majoriti buku-buku rujukan terutamanya bidang sains dan bidang-bidang lain yang penting.

Tambahan pula, Bahasa Inggeris digunakan dengan meluas dalam dunia internet dan diterima oleh semua. Ke mana sahaja kita pergi, Bahasa Inggeris yang kita dengar.

Pelajar-pelajar yang tidak mempelajari Bahasa Inggeris secara serius akan menghadapi pelbagai masalah apabila menyambung pengajian di institusi pendidikan yang lebih tinggi. Ini adalah kerana kebanyakan subjek adalah diajar dalam Bahasa Inggeris, sumber seperti buku-buku rujukan juga dalam Bahasa Inggeris dan tugas pun perlu ditulis dalam Bahasa Inggeris. Akibatnya, pelajar itu akan terpaksa mengulang atau belajar semula Bahasa Inggeris, mungkin terpaksa menukar major pengajiannya dan mungkin juga pelajar itu akan berhenti belajar.

Tambahan pula, pelajar yang lemah dalam Bahasa Inggeris akan mendapati mereka tidak dapat bersaing dengan pelajar yang literasi Bahasa Inggeris. Mereka terpaksa melipatgandakan usaha dan terhegeh-hegeh dalam pembelajaran. Pelajar yang fasih dalam Bahasa Inggeris berpeluang tinggi untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara mengikut pilihan mereka.

Bahasa Inggeris menjadi semakin penting, bukan hanya dalam dunia pekerjaan. Kebanyakan organisasi telah menjadikan Bahasa Inggeris sebagai syarat utama dalam jawatan yang ditawarkan.

Pelancong yang datang melancong ke negara kita seringkali memuji keindahan alam dan penduduk yang ramah mesra. Dengan itu, semua orang perlu fasih dalam Bahasa Inggeris untuk memudahkan komunikasi dengan mereka. Keindahan alam, penduduk yang ramah mesra ditambah dengan tidak ada kekangan bahasa pasti akan menarik ramai pelancong asing dan ini akan menolong menjana ekonomi negara melalui industri pelancongan.

**Bersambung...**